

Kebolehbacaan Bahan Bacaan

oleh

Tay Meng Guat

Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan satu konsep yang kurang diberi penekanan dalam penulisan yang berkaitan dengan membaca. Konsep yang dimaksudkan ialah kebolehbacaan bahan bacaan atau teks. Konsep ini berbeza dengan kebolehan membaca. Aspek yang menjadi tumpuan konsep kebolehbacaan ialah bahan bacaan itu sendiri manakala kebolehan membaca memberi penekanan kepada individu pembaca. Kebolehbacaan ialah tahap senang-sukar sesuatu bahan bacaan. Formula kebolehbacaan pula ialah cara atau teknik pentaksiran tahap senang-sukar bahan bacaan secara objektif dan saintifik. Perbincangan dalam artikel ini juga meliputi latar belakang perkembangan kemunculan formula kebolehbacaan dan kepentingannya, faktor-faktor atau pembolehubah yang mempengaruhi kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan atau teks serta formula kebolehbacaan Bahasa Melayu oleh Khadijah Rohani pada tahun 1989 dan aplikasinya tentang penggunaan formula tersebut. Bahagian akhir artikel memuatkan kontraversi tentang penggunaan formula tersebut.

Pengenalan

Aktiviti membaca merupakan satu proses komunikasi bahasa secara tidak langsung antara penulis dengan pembaca. Aktiviti membaca ialah satu proses aktif yang melibatkan pemahaman, penilaian dan penginterpretasian secara berterusan tentang sesuatu mesej. Proses membaca secara interaktif ini melibatkan gabungan pelbagai kemahiran seperti kemahiran linguistik untuk memproses ortografi dan maklumat leksikal, kemahiran kognitif untuk memahami pengetahuan konseptual dan kemahiran metakognitif untuk memastikan proses pemahaman dan penilaian berlaku secara berterusan. Umumnya, strategi membaca yang digunakan bergantung kepada jenis teks atau bahan bacaan dan tujuan bacaan.

Konsep Kebolehbacaan

Kebolehbacaan (*readability*) ialah satu konsep yang berbeza dengan kebolehan membaca (*reading ability*). Kebolehan membaca ialah tahap kecekapan, kemahiran atau kebolehan seseorang individu memahami bahan yang dibaca. Tahap kebolehan membaca seseorang bergantung kepada kecekapan atau kemampuan pembaca itu memahami atau bertindak balas dengan bahan bacaan tersebut. Individu pembaca yang baik ialah individu yang dapat bertindak balas secara spontan dan tepat terhadap bahasa, idea dan stilistik bahan penulisan yang dibacanya. Menurut Harris, 1969 (dlm. Nadzeri, 1998: 43) seorang pembaca yang baik ialah,

“one who can respond simultaneously, and appropriately, to the language, ideas and stylistics of mature writing, and moreover, can achieve these understanding with reasonable speed and fluency.”

Menurut Keith tujuan utama seseorang penulis ialah untuk menyampaikan mesej kepada pembaca. Setakat mana penulis berjaya menyampaikan mesejnya akan bergantung kepada kebolehbacaan teks itu. Oleh itu, kebolehbacaan memberi penekanan kepada usaha untuk menyelaraskan persoalan atau masalah antara tahap kemampuan pembaca dengan teks. Seorang pembaca yang cekap akan berasa bosan dengan teks yang mudah. Sebaliknya, seorang pembaca yang kurang cekap akan cepat putus asa jika teks yang dibacanya itu terlalu sukar.

Menurut Khadijah Rohani (2001), kebolehbacaan ialah tahap senang-sukar sesuatu bahan bacaan itu. Formula kebolehbacaan pula ialah satu cara atau teknik yang objektif dan saintifik untuk mentaksir atau meramalkan tahap senang-sukar sesuatu bahan bacaan itu. Tujuan utama mengadakan pengukuran kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan adalah untuk membolehkan para pendidik, ibu bapa dan kemungkinan para penulis khususnya penulis buku teks mencuba menyesuaikan kebolehan membaca pembaca atau pelajar dengan bahan yang dibacanya. Tegasnya,

“Readability describes the ease with which a document can be read. Readability tests, which are mathematical formulas, were designed to assess the suitability of books for students at particular grade levels or ages.”

(Everything you ever wanted to know about readability tests but were afraid to ask: On-line)

Menurut Keith pula, istilah kebolehbacaan dirujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pembacaan dan pemahaman individu pembaca terhadap sesuatu teks. Antara faktor tersebut ialah minat dan motivasi pembaca, aspek fizikal teks termasuklah ilustrasinya di samping kerencaman perkataan dan ayat yang berkaitan dengan kebolehan membaca pembaca.

Latar Belakang Perkembangan Kemunculan Formula Kebolehbacaan

Formula kebolehbacaan yang pertama telah dibina oleh Lively dan Pressey pada tahun 1923. Mereka menggunakan senarai kata Thorndike sebagai kayu pengukur. Ini bermakna Lively dan Pressey hanya menggunakan perbendaharaan kata sebagai penunjuk kebolehbacaan. Mereka telah menunjukkan cara ini merupakan satu cara yang sistematik, objektif dan boleh dipercayai serta boleh dipraktikkan.

Seterusnya pada tahun 1928, Washburne dan Vogel telah membina satu formula lain yang bertujuan untuk menentukan tahap bahan bacaan kanak-kanak. Washburne dan Vogel telah menggunakan pembolehubah struktur ayat di samping perbendaharaan kata. Perkara-perkara yang diambil kira dalam struktur ayat adalah seperti jumlah kelainan perkataan yang terdapat dalam petikan, jumlah kata penghubung, jumlah perkataan yang tidak terdapat senarai perbendaharaan kata Thorndike dan jumlah ayat selapis. Formula ini kemudiannya telah dikemaskinikan oleh Washburne dan Morphet pada tahun 1938.

Pada tahun 1944, Lorge telah membina satu formula kebolehbacaan yang lain pula. Formula ini masih diguna dengan meluas di sekolah dan di peringkat pendidikan tinggi sehingga hari ini. Keadaan ini disebabkan formula ini senang dan mudah digunakan.

Flesch pada tahun 1943 telah membina satu formula yang menjadi asas perbincangan sehingga hari ini. Mengikut beliau, kebanyakan formula menggunakan faktor perbendaharaan kata sehingga mengabaikan faktor-faktor lain. Pada pendapat beliau, dalam menilai dan menganggar bahan-bahan bacaan orang dewasa, selain faktor perbendaharaan kata, faktor lain juga harus diambil kira kerana penggunaan imbuhan akan menjadikan perkataan itu lebih kompleks lagi dari segi aspek semantik. Selain itu faktor hitung panjang bilangan perkataan dalam satu ayat juga harus diambil kira. Formula ini telah disemak semula dan dibaiki pada tahun 1948 kerana didapati kriteria yang digunakan dalam pembinaan formula kebolehbacaan itu tidak menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Flesch menggunakan jumlah suku kata dalam sesuatu perkataan dan meninggalkan kriteria imbuhan kerana andaian yang dibuatnya adalah kedua-dua kriteria ini akan menunjukkan dapatan yang sama. Beliau telah menambah kriteria baru

yang berunsur keperibadian iaitu ayat yang menggambarkan hal diri. Beliau membuat hipotesis bahawa kriteria ini mengambil kira unsur dialog dalam bahan bacaan yang dipercayai dapat meningkatkan minat dan motivasi pembaca. Penambahbaikan beliau ini walaupun tidak meningkatkan tahap signifikan dari aspek kebolehpercayaan berbanding dengan formula yang pertama, namun beliau berjaya membina dua bentuk formula iaitu:

- i. Formula menganggar kebolehbacaan. Dua faktor yang digunakan ialah jumlah perkataan dalam satu ayat dan jumlah suku kata dalam satu perkataan.
- ii. Formula menilai tahap minat dan motivasi terhadap bahan bacaan. Dua faktor yang digunakan ialah jumlah perkataan yang menunjukkan ciri dan unsur keperibadian dan jumlah ayat yang menceritakan hal keperibadian.

Di samping Flesch, seorang lagi ahli bahasa iaitu Winson Taylor telah membina satu formula kebolehbacaan yang digunakan sehingga kini. Formula yang dinamakan sebagai teknik Cloze itu telah digunakan sejak tahun 1953.

Pada tahun 1953 Spache berjaya membina satu formula kebolehbacaan untuk menilai bahan-bahan bacaan di sekolah rendah. Spache menggunakan faktor-faktor seperti jumlah perkataan dalam satu ayat dan Senarai Kata Dale berjumlah 769 perkataan. Sehingga kini formula Spache masih merupakan formula yang digunakan secara meluas di sekolah rendah.

Formula-formula lain yang dibina selepas tahun 1960-an boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu:

- i. Formula yang kompleks yang dibina untuk kegunaan penyelidik dan juga penerbit yang mempunyai masa, kemudahan, kewangan dan tenaga manusia untuk menggunakannya. Antaranya ialah Formula Devereaux (1969) dan Formula Bermuth (1969).
- ii. Formula yang senang digunakan dan dibina untuk kegunaan pengamal seperti para guru, pustakawan dan sesiapa sahaja yang mahu mencari jalan singkat tetapi boleh dipercayai untuk menilai dan meramal kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan. Antaranya ialah Formula Fry (1968) dan Formula McLaughlin (1969).

Menurut Klare, 1974-75 (dlm. *Readability Formulas*) sebanyak lebih daripada 40 formula kebolehbacaan telah berjaya dibina dalam sepanjang tempoh perkembangan pembinaan formula tersebut. Formula ini merupakan panduan untuk mengukur kebolehbacaan buku teks agar selaras dengan tahap yang dikehendaki. Walau bagaimanapun terdapat persoalan yang sering dikaitkan dengan penggunaan formula. Antaranya ialah ukuran

kebolehbacaan hanya menggambarkan ciri-ciri teks, kebolehbacaan tidak dapat memberi kemahiran kognitif pembaca yang sebenar dan ukuran kepanjangan sesuatu ayat dan hitung panjang suku kata dalam satu perkataan sahaja tidak cukup untuk meramalkan kesepaduan sesuatu teks.

Kepentingan Formula Kebolehbacaan

Kepentingan formula kebolehbacaan dapat dinilai dengan melihat matlamat di sebalik perkembangannya. Kebanyakan penyelidik dalam bidang ini mencuba pelbagai usaha untuk mencari kaedah atau teknik yang tepat dan boleh dipercayai dalam menilai dan menganggar susah-senangannya sesuatu bahan bacaan yang hendak diberi kepada seseorang murid sama ada terdapatnya kesesuaian dari segi tahap bahan bacaan dengan kebolehan membaca seseorang murid itu. Menurut Coleman (1968), jika kita mengajar kanak-kanak konsep asas dalam bacaan dan kemudian memberi bahan-bahan bacaan yang bersesuaian dengan kebolehan membaca mereka, maka ini bererti kita telah berjaya menolong menyelesaikan sebahagian daripada masalah bacaan yang dihadapi mereka. Bertitik tolak dari inilah maka formula kebolehbacaan dibina sebagai alat dengan tujuan untuk memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan seseorang murid di pelbagai peringkat pendidikan.

Bagi para pendidik dan golongan ibu bapa yang sedar akan betapa pentingnya mencari bahan bacaan yang sesuai dengan kebolehan membaca kanak-kanak mereka sudah tentu akan menghadapi masalah untuk menentukan tahap kebolehbacaan sesebuah buku teks atau bahan bacaan. Segala usaha mencari tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan adalah semata-mata bergantung kepada tekaan dan budi bicara seseorang guru itu sahaja. Cara ini adalah terlalu subjektif kerana terlalu bergantung kepada idiosinkrasi seseorang itu. Formula kebolehbacaan boleh digunakan sebagai kayu pengukur atau cara menilai tahap kebolehbacaan sesuatu bahan dengan lebih objektif dan saintifik.

Senario tentang kesedaran faktor kebolehbacaan di Malaysia masih kurang dititikberatkan sama ada oleh pihak sekolah iaitu para guru, ibu bapa, penerbit, penulis buku, baik buku teks, buku bacaan pengayaan atau buku untuk pengayaan bahasa. Keadaan di sekolah dan kurikulum sekolah yang lebih menekankan perkembangan individu dan pengajaran menuntut para pendidik mencari bahan pengajaran yang dianggap bersesuaian dengan tahap bacaan dan kebolehan seorang murid atau sekelompok murid. Dalam konteks proses pemilihan dan penilaian bahan bacaan di dalam bilik darjah, istilah-istilah dalam bacaan seperti tahap pengajaran, tahap kekecewaan dan tahap bebas yang selalu digunakan dalam menyesuaikan sesuatu bahan bacaan dengan kebolehbacaan seseorang murid atau satu kelompok murid tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Menurut Khadijah Rohani (2001) sudah sampai masanya bagi para guru, ibu bapa dan penulis buku mengambil berat tentang masalah menyesuaikan bahan bacaan dengan kebolehan membaca murid-murid. Mereka hendaklah menggunakan satu alat yang lebih objektif untuk menilai bahan-bahan bacaan itu dan memastikan tahap kebolehbacaannya sebagai panduan semasa memilih bahan bacaan misalnya, dari segi penggunaan perbendaharaan kata atau struktur ayat itu sesuai dengan kebolehan membaca atau peringkat bacaan murid-murid supaya tidak menghalang kemajuan mereka memahami dan membuat tindak balas terhadap bahan yang dibaca. Buku atau bahan bacaan yang tidak sesuai dengan tahap bacaan murid berkemungkinan akan membunuh minat mereka untuk terus membaca.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kebolehbacaan

Menurut Keith, istilah kebolehbacaan merujuk kepada semua faktor yang mempengaruhi kejayaan pembacaan dan pemahaman sesuatu teks. Faktor-faktor tersebut ialah:

- i. minat dan motivasi pembaca
- ii. cetakan dan ilustrasi teks
- iii. kerencaman perkataan dan ayat

Aspek minat merupakan satu faktor yang penting dalam kebolehbacaan tetapi malangnya faktor ini amat sukar untuk dikawal. Misalnya seorang kanak-kanak akan membaca bahan bacaan yang diminatinya tanpa menghiraukan tahap senang-sukarnya. Bagi aspek motivasi pula, faktor ini dapat diubah dengan memberi penghargaan atau merit kepada seseorang murid.

Beberapa aspek yang berhubung dengan faktor cetakan dan ilustrasi ialah jenis huruf yang digunakan (sama ada huruf besar atau huruf kecil), reka bentuk teks (size, panjang-pendek sesuatu baris, jarak antara baris), jenis kertas dan warna. Kesemua faktor ini secara langsung atau tidak langsung boleh mempengaruhi kebolehbacaan.

Faktor ketiga ialah perkataan dan ayat yang digunakan oleh penulis. Faktor ini merupakan faktor yang paling mudah untuk dikuantitikan. Dengan menggunakan formula kebolehbacaan untuk membuat pengiraan, tahap sukar-senang sesuatu bahan bacaan akan dapat ditentukan sama ada sesuai dengan 'umur membaca' (*reading age*). Menurut Keith, 'umur membaca' ialah umur kronologi pembaca. Misalnya, suatu teks dengan 'umur membaca' 12 tahun akan dapat dibaca dan difahami oleh kanak-kanak yang berumur 12 tahun. Menurut Laporan Bullock, 1975 (dlm. Keith)

taburan statistik kebolehan membaca untuk sesuatu populasi pembaca akan menunjukkan taburan normal.

“The statistical distribution of reading ability in a population of a given age is ‘roughly normal’, The expectation is that the range of reading achievement is likely to be two-thirds of the median chronological age of the group. ie. in a mixed-ability class of 12-year-olds, the reading ages would vary from 8 to 16.”

Bagi Ahmad Md. Sharif, 1989 (dlm. Nadzeri, 1998) aspek yang menentukan senang-sukarnya sesuatu bahan bacaan ialah aspek linguistik dan konsep bahan itu sendiri. Dari sudut linguistik, aspek-aspek yang akan mempengaruhi kebolehbacaan bahan bacaan itu ialah aspek leksikal, morfologi, sintaksis dan semantik. Misalnya perkataan jatuh boleh disinonimkan dengan perkataan gugur, turun, luruh, merosot, terbenam dan tumbang. Penggunaan perkataan yang berkaitan dengan sosiobudaya dan bersifat eufemisme pula boleh mengelirukan pembaca dan secara langsung akan mempengaruhi kebolehbacaan bahan tersebut. Penggunaan rangkai kata yang biasa digunakan tentulah memudahkan pembaca berbanding penggunaan rangkai kata yang kurang kerap digunakan. Kecenderungan penulis memasukkan bahasa slanga atau rangkai kata ciptaan sendiri juga boleh menyukarkan pembaca mengagak maksud sebenar dan seterusnya boleh menjejaskan kebolehbacaan bahan.

Dari segi ayat, jenis dan struktur ayat yang digunakan dalam penulisan teks memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehbacaan. Bahan yang mempunyai ayat-ayat majmuk atau campuran yang banyak sudah pasti mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih tinggi. Mengikut Keith,

“...factor affecting readability is concerned with the words and sentences used by an author....

Consider two examples:

- i. This short sentence needs a reading age of less than nine years.*
- ii. This longer sentence, which contains an adjectival clause and polysyllabic words, has a reading age of more than sixteen years.”*

Dari sudut konsep sesuatu bahan, adalah jelas bahawa bahan bacaan yang mengemukakan konsep-konsep yang mudah difahami atau membicarakan konsep-konsep yang berada dalam lingkungan pengalaman dan pengetahuan pembaca akan mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi. Pembaca sudah semestinya lebih mudah memahami konsep konkrit berbanding dengan konsep abstrak.

Formula Kebolehbacaan Bahasa Melayu

Satu-satunya formula kebolehbacaan Bahasa Melayu (BM) yang pernah dibuat di negara ini ialah formula yang dikemukakan oleh Khadijah Rohani Md. Yunus pada tahun 1989. Kaedah yang masih dibincangkan hingga kini ternyata lebih objektif jika dibandingkan dengan teknik Cloze seperti yang disarankan oleh Winson Taylor (dlm. Nadzeri, 1998:47). Kaedah ini tidak menggunakan murid atau responden sebagai tumpuan kajian tetapi hanya berfokus kepada ayat dan suku kata yang digunakan dalam bahan itu sendiri. Tegasnya bahan bacaan yang hendak dinilai itu akan dianalisis berdasarkan formula yang telah ditetapkan dan tinggi atau rendahnya tahap kebolehbacaan bahan tersebut bergantung kepada nilai yang bakal didapati.

Cara-cara menggunakan formula kebolehbacaan BM oleh Khadijah Rohani Md. Yunus (1989).

- i. Memilih Petikan :
 - (a) Petikan pendek (300 patah perkataan). Apabila petikan pendek hendak digunakan adalah penting menganalisis keseluruhan petikan itu, iaitu dengan mengambil kira jumlah 300 patah perkataan.
 - (b) Petikan panjang atau dari buku teks. Apabila hendak menganalisis buku teks atau petikan yang panjang adalah penting menganalisis sampel bahan-bahan bacaan itu. Pilih sampel di bahagian awal, bahagian pertengahan dan bahagian akhir bahan bacaan itu. Tiap-tiap sampel terdiri daripada 100 patah perkataan.

Pemilihan sampel adalah secara rawak. Walau bagaimanapun harus diberi perhatian kepada ciri tertentu bahan bacaan, umpamanya sampel mestilah dapat menggambarkan keseluruhan ciri bahan bacaan itu. Sebolehnya sampel itu janganlah terdiri daripada latihan menjawab soalan atau bahagian yang memuatkan sajak atau syair, atau yang terlalu banyak nombor, nama khas, singkatan perkataan atau apa sahaja yang dianggap sebagai bukan perkataan.

- ii. Menggunakan Formula:
 - (a) Hitung jumlah ayat dalam setiap tiga sampel yang terdiri daripada 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Anggarkan jawapan supaya menjadi hampir kepada per sepuluh. Jumlahkan ayat dalam ketiga-tiga sampel itu.
 - (b) Bahagikan 300 patah perkataan dengan (a). Ini adalah hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat.

- (c) Hitung jumlah suku kata dalam ketiga-tiga sampel yang terdiri daripada 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Jumlahkan. Ini adalah jumlah suku kata.
- (d) Darabkan (b) dengan 0.3793
- (e) Darabkan (c) dengan 0.0207
- (f) Campurkan (d) dan (e)
- (g) Tolak 13.988 daripada (f)
- iii. Menukar tahap kebolehbacaan ke tahun atau tingkatan di sekolah mengikut Jadual 1

Jadual 1. *Tahap Kebolehbacaan dan Tahun/Tingkatan*

| Tahap Kebolehbacaan | Tahun / Tingkatan |
|---------------------|---|
| 1 | 1 |
| 2 | 2 |
| 3 | 3 |
| 4 | 4 |
| 5 | 5 |
| 6 | 6 |
| 7 | 1 |
| 8 | 2 |
| 9 | 3 |
| 10 | 4 |
| 11 | 5 |
| 1.5 | Tahap bahan bacaan ini adalah di pertengahan tahun 1 |
| 1.9 | Tahap bahan bacaan ini adalah di akhir tahun 1 atau di awal tahun 2 |

Kontraversi Tentang Penggunaan Formula Kebolehbacaan

Formula kebolehbacaan hanya mengukur jumlah suku kata, kekerapan penggunaan sesuatu perkataan serta panjang-pendek sesuatu ayat, ini bermakna faktor-faktor tersebut memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan senang-sukar sesebuah teks, tetapi adakah ini benar?

Memang tidak dinafikan penggunaan perkataan dalam teks kadang-kadang bergantung kepada jenis teks. Teks yang berkaitan dengan perbincangan yang abstrak biasanya menggunakan perkataan yang sukar manakala teks yang berunsur pengalaman konkrit pula menggunakan perkataan biasa.

Penggunaan perkataan dan ayat yang pendek pula tidak semestinya menjamin teks tersebut lebih mudah difahami.

Beberapa perkembangan terkini menunjukkan munculnya perbincangan kritikal tentang penggunaan formula kebolehbacaan. Antaranya ialah *International Reading Association*, *National Council of Teachers of English* dan *College Entrance Examination Board*. Para pengkaji berpendapat ujian kebolehbacaan hanya dapat mengukur ciri-ciri luaran teks. Faktor-faktor kualitatif seperti tahap perbendaharaan kata, komposisi dan urutan teks, kesepaduan teks, struktur ayat, konsep konkrit atau abstrak sesuatu teks tidak dapat diukur secara kuantitatif. Penggunaan ujian kebolehbacaan perlu dijalankan dengan berhati-hati memandangkan wujudnya faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi tahap kebolehbacaan.

“...readability formulas cannot measure features like interest and enjoyment.... Readability formulas measure certain features of text which can be subjected to mathematical calculations. Not all features that promote readability can be measured mathematically.”

(Everything you ever wanted know about readability tests but were afraid to ask: On-line)

Namun formula ini dapat digunakan sebagai kayu pengukur untuk mengenal pasti atau menentukan tahap senang-sukar sesuatu teks pada peringkat awal. Formula ini dapat berfungsi sebagai “alat penapis” membaiki teks atau hasil penulisan masing-masing. Ujian kebolehbacaan juga boleh membantu dari segi menyarankan langkah-langkah penambahbaikan teks.

“...readability tests are considered useful to show measurable improvement in written documents. They provide a quantifiable measure of improvement or simplification. They give a quick on-the-spot-assessment.”

(Everything you ever wanted know about readability tests but were afraid to ask: On-line)

Penutup

Memandangkan pentingnya penggunaan buku teks dan bahan bacaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, maka adalah wajar pihak yang bertanggungjawab mengenal pasti dan membuat pilihan bahan bacaan dengan sebaik mungkin. Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana proses pengajaran dan pembelajaran itu sebenarnya bertitik tolak daripada aktiviti pembacaan. Pemilihan buku atau bahan bacaan yang tidak sesuai dengan tahap kebolehbacaan berkemungkinan besar akan menyebabkan murid-murid gagal menguasai maklumat yang ingin disampaikan dan secara tidak langsung boleh melemahkan malah membunuh minat dan keinginan untuk belajar.

Namun perlu ditegaskan bahawa formula kebolehbacaan hanya mengukur ciri-ciri tertentu sesuatu bahan teks yang tertakluk kepada pengiraan matematik. Terdapat juga ciri-ciri atau faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehbacaan seperti penggunaan struktur ayat, penyusunan idea teks, aspek fizikal teks, latar belakang minat individu pembaca, budaya dan kepercayaan pembaca. Lantas janganlah menganggap penggunaan formula kebolehbacaan ini sebagai satu alat yang mutlak dan muktamad terhadap masalah penilaian tahap bahan bacaan atau teks untuk menentukan kesesuaian bahan bacaan.

“So readability formulas are considered to be predictions of reading ease but not the only method for determining readability.”

(Everything you ever wanted know about readability tests but were afraid to ask: On-line)

Bibliografi

- Coleman, E. B. (1968). *Experimental Studies of Readability*. In J.R. Bermuth (ed.), *Readability*. Chicago: National Council of Teacher of English.
- Everything You Ever Wanted Know About Readability Tests but Were Afraid to Ask*. (On-line). Available: <http://www.gopdg.com/plainlanguage/readability.html>
- Fauziah Hassan (2002). *Developing Competent Readers*. In K.D. Maya & Fatimah Hashim (eds.), *Developing Reading Skills* (pp. 107-139). Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Juicy, S. (2000-2005). *Readability Test*. (On-line). Available: <http://www.juicystudio.com/fog/>
- Kathleen, S. (1995-2004). *Kathy Schrock's Home Page: Fry's Readability and Other Readability Inform.* (On-line). Available: <http://kathyschrock.net/fry/fry.html>
- Keith, J. *Readability*. (On-line). Available: <http://www.timetabler.com/reading.html>
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus (2001). *Kebolehbacaan dalam Buku Teks*. Bahan Kursus Penulisan Buku Teks Sekolah Menengah, Bahagian Buku Teks, KPM dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
- Malachi, E.V. (2002). *Reading as Enjoyment*. In K.D. Maya & Fatimah Hashim (eds.), *Developing Reading Skills* (pp.25-32). Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nadzeri B. Hj. Isa (1998). Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, Bil. 16. 42-48.
- Readability Formulas*. (On-line). Available: <http://csep.psyc.memphis.edu/cohmetrix/readabilityresearch.htm>
- Reading*. (On-line). Available: <http://condor.depaul.edu/~cwren/courses/other/outmn444/ch9read.htm>
- The Smog Readability Formula*. (on-line). Available: <http://uuhsc.utah.edu/pated/authors/readability.html>